

14/01/1998

PNB tidak panik hadapi kegawatan

Zainuddin Zain

PERMODALAN Nasional Bhd (PNB) yakin kegawatan ekonomi negara yang berpunca daripada kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham bersifat sementara, menyebabkan PNB tidak panik.

Walaupun mengakui kejatuhan teruk nilai saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) menjejaskan operasinya, PNB mempunyai strategi tersendiri untuk mengatasi masalah terbabit.

Timbalan Ketua Eksekutifnya, Hamad Kama Piah Che Othman, berkata PNB mempunyai pegangan saham yang kukuh dalam BSKL dan yakin nilai saham itu akan kembali ke paras lebih stabil sejurus kegawatan ekonomi berakhir.

"Oleh itu, dakwaan yang menyatakan bahawa PNB akan menarik balik semua saham yang dipegangnya dalam BSKL tidak benar.

"Kami tidak menolak PNB ada membuat penjualan beberapa kaunter yang dirasakan perlu dijual ketika ini tetapi jumlahnya terlalu kecil," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis berbuka puasa PNB-Anak Yatim Bersama Media di Wisma Darul Aitam Walmasakin, Alor Star, malam semalam.

Hamad berkata, PNB yakin dengan kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa ekonomi negara akan pulih dalam tempoh enam bulan.

Bagaimanapun, katanya, PNB hanya akan membuat pelaburan pada kaunter yang dirasakan mampu pulih bagi mendapat memberi keuntungan.

"PNB diberikan amanah mengurus Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB)... amanah ini harus diuruskan dengan baik dengan mengambil risiko kemungkinan kerugian yang akan dialami pelabur," katanya.

Berikutan itu, Hamad berkata, PNB tidak ada cadangan untuk melabur secara besar-besaran dalam BSKL bagi membantu memulihkan pasaran saham.

"PNB tidak boleh melabur secara besar-besaran, tetapi akan melabur secara bijak mengikut maklumat dan kajian terhadap kaunter yang dirasakan berpotensi untuk pelaburan," katanya.

(END)